



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 6 JANUARI 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PROGRAM 'KEMBALI KE SEKOLAH' CERIAKAN PELAJAR KURANG BERNASIB BAIK, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -14	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	PENCAPAIAN UTAMA 2019 MENTEI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -15	
3.	NELAYAN KIMANIS LEGA, MASALAH LEBIH 15 TAHUN BAKAL SELESAI, PRK PARLIMEN KIMANIS, SH -10	
4.	KIMANIS FISHERMEN THANK GOV'T FOR RM500K FUND TO UPGRADE JETTY, MALAYSIA KINI -ONLINE	
5.	SALAHUDDIN: JOINT OPERATION AGAINST TRESPASSERS PREVENTS RM6B LOSS IN FISH CATCH, MALAY MAIL -ONLINE	
6.	JOINT OPERATION AGAINST TRESPASSERS PREVENT RM6 BLN IN FISH CATCH, BORNEO POST -ONLINE	
7.	PERANGKAP FEROMON BOLEH KAWAL POPULASI SERANGGA, NASIONAL, BH -12	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8.	JUMPA PUKAT BERSAMA IKAN YANG TELAH MATI, NASIONAL, SH -9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	KEMENTERIAN PERTANIAN JAMIN UDANG TERNAKAN SELAMAT DIMAKAN, MALAYSIA KINI -ONLINE	
10.	PRAWNS IN MARKET SAFE FOR COMSUMPTION, SAYS GOVT, NATION, THE STAR -8	
11.	NELAYAN SETUJU TIDAK KE LAUT SETIAP AHAD, NASIONAL, SH -18	
12.	KIRA-KIRA 1,000 NELAYAN SANGGUP TIDAK KE LAUT DEMI PULIH SUMBER PERIKANAN, ASTRO AWANI -ONLINE	
13.	KOMITED LAHIR PELADANG JUTAWAN MD2, BISNES, HM -20	LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM)
14.	JUAL HASIL LAUT DALAM TALIAN DAPAT SAMBUTAN, NASIONAL, BH -14	PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	MINGGUAN AMANAH	NASIONAL	14

Program 'Kembali Ke Sekolah' ceriakan pelajar kurang bernasib baik



Salah seorang anak istimewa turut mendapat perhatian Ahli Parlimen Pulau.



Khalid Samad menghulurkan sumbangan kepada anak-anak yatim.

Oleh **NASUMA RAHMAN**

PROGRAM 'Kembali Ke Sekolah' sudah menjadi tanggungjawab setiap ahli parlimen untuk

mengagihkan sumbangan kepada pelajar-pelajar sekolah terutama kepada golongan anak-anak yatim, anak kelainan upaya dan keluarga miskin.

Sumbangan berupa kelengkapan sekolah termasuk uniform sekolah, beg dan sebagainya bagi setiap pelajar yang terpilih.

Misalnya, Ahli Parlimen Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar telah menyalurkan bantuan persekolahan kepada hampir 2,000 pelajar sekolah di parlimennya dengan melibatkan 10 siri program Kembali Ke Sekolah untuk sesi tahun 2020.

Antaranya di Bukit Pinang melibatkan 150 orang pelajar, Bukit Berangan Mukim Jabi seramai 130 pelajar, dan di Dun Derga iaitu seramai 250 orang penerima.

Sumbangan tersebut mendapat kerjasama erat daripada Yayasan Taqwa dan MPKK melalui Pusat Khidmat Ahli Parlimen Pokok Sena.

Begitu juga program yang diadakan di Parlimen Larut oleh Datuk Dr Hatta Ramli yang memperuntukkan sebanyak RM50 ribu untuk diagihkan kepada penerima yang layak.

Seramai 300 peserta dari 30 Kampung (fasa pertama) menerima sendiri Baucer Persekolahan bernilai RM100 yang disampaikan oleh Dr Hatta Ramli di Perkarangan PasarayaKu, Teluk Muroh.

"Pata-rata mereka yang menerima sumbangan ini melahirkan rasa bersyukur dengan bantuan persekolahan ini. Sedikit sebanyak dapat meringankan sedikit beban keluarga," kata Dr Hatta kepada *Mingguan Amanah*.

Turut menjalankan kerjasama bagi menjayakan program di Larut ini antaranya PasarayaKu Teluk Muroh, para petugas PKPR Parlimen Lumut, barisan MPKK-MPKK Parlimen Lumut, Pejabat Penerangan Daerah Manjung, Teluk Nasonal, Ahli-Ahli Majlis MPK, Penghulu-penghulu

Mukim, AJK Kepimpinan Pakatan Harapan Lumut dan juga ARIF Lumut.

Dr Hatta berharap bantuan ini dapat memberi keceriaan kepada semua penerima dalam menghadapi sesi persekolahan 2020 yang akan dibuka tidak lama lagi.

Sementara itu, Menteri Pertanian, Industri dan Asas Tani yang juga Ahli Parlimen Pulau Datuk Salahuddin Ayub juga tidak ketinggalan menyantuni pelajar-pelajar sekolah di kawasan beliau.

Beliau menyumbang baucer barangan sekolah kepada 1,135 orang pelajar dalam program 'Back To School' anjuran Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Pulau yang turut disertai NAFAS.

Program sumbangan ini melibatkan 21 kawasan dalam Parlimen Pulau membabitkan pelajar-pelajar dari Pertubuhan Rumah Anak Yatim dan pelajar pendidikan khas.

"Semoga ceria semuanya dalam menghadapi sesi persekolahan yang akan datang," tulis Salahuddin di Facebooknya.

Sehubungan itu, Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Samad turut menyantuni 200 golongan asnaf dan miskin di sekitar Kuala Lumpur dalam program 'Ayuh Dik... Kita Ke Sekolah'.

Khalid berkata, program julung kalinya dianjurkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dijalankan di sebuah hotel di ibu negara itu, adalah selari dengan Inisiatif Wilayah Peduli.

"Pihak saya, iaitu Persatuan Kebajikan DBKL, telah membenarkan sumbangan berupa bantuan persekolahan kepada 200 pelajar yang mengikuti tuisyen dan sekolah-sekolah yang mempunyai hubungan kait dengan DBKL.

"Program ini adalah kali pertama dilakukan oleh pihak DBKL dan merupakan program yang baik kerana memberikan imej bagus kepada DBKL itu sendiri.

Khalid menyampaikan sumbangan berbentuk baucer kelengkapan sekolah bernilai RM150 setiap seorang yang boleh ditebus di Pustaka Rakyat Cawangan Setapak.

Penerima-penerima sumbangan itu terdiri daripada pelajar-pelajar Program Tuisyen DBKL dan juga Sekolah Bimbingan Jalanan Kasih.



Bertempat di Dewan Sekolah Kebangsaan Haji Abu Bakar, Lepai Bukit Pinang, seramai 500 pelajar meliputi sekolah-sekolah dalam Parlimen Pokok Sena menerima beg, pakaian dan kasut daripada Datuk Mahfuz Omar.



Dr Hatta memperuntukkan sebanyak RM50 ribu untuk program Kembali Ke Sekolah di Parlimen Larut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	MINGGUAN AMANAH	NASIONAL	15

PENCAPAIAN UTAMA 2019 MENTERI PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI DATUK SERI SALAHUDDIN AYUB



1 MELANCARKAN HALA TUJU KEMENTERIAN BAGI TEMPOR 2019-2020 DALAM USAHA WEMACU SEKTOR PERTANIAN NEGARA

Lima halatuju ditetapkan menjadi keutamaan dan strategi dalam langkah meningkatkan pendapatan golongan petani, pemernak dan nelayan di negara ini.

1. Memodenkan dan meningkatkan pengeluaran pertanian
2. Merancang penglibatan pelaburan swasta
3. Pertanian sebagai satu sumber pendapatan
4. Menambahbaik ekosistem industri pertanian
5. Memperkuatkan struktur organisasi di bawah MOA



2 MENGAWAL PENCEROBOHAN NELAYAN ASING MELALUI OPS NAGA

Merintis kolaborasi antara Kementerian melalui Operasi Naga mulai April 2019 bertujuan mengawal pencerobohan nelayan asing yang telah mengakibatkan ketirisan hasil laut sebanyak RM6 bilion setahun.

1. 211 buah bot nelayan asing telah ditahan
2. 5 buah bot telah dilupuskan (ditinggalkan untuk dijadikan tontonan) sebagai tindakan tegas kepada nelayan asing yang menceroboh perairan negara.
3. Hasil jelangan rampasan bot pendaratan ikan menyumbang kepada RM560 juta.



3 MENTRANFORMASIKAN PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

Mentransformasikan NAFAS melalui perubahan komposisi Ahli Jemaah Pengarah di peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan NAFAS dengan mewujudkan Peraturan Perundangan Pertubuhan Peladang (Pindaan) 2019 bagi memperkuatkan tadbir urus NAFAS.

4 MEMHINDA AKTA PERIKANAN 1985

1. Mengekalkan lesen penangkapan ikan laut lepas
2. Menggalakkan rakyat tempatan menyertai industri penangkapan ikan tuna untuk meningkatkan sumbangan pendapatan hasil tuna sebanyak 30,000 metrik tan dengan nilai RM300 juta setahun
3. Meningkatkan kadar denda pencerobohan nelayan asing daripada RM1 juta kepada RM6 juta.



5 MENINGKATKAN ELAUN SARA HIDUP NELAYAN

1. Menjaga kebajikan nelayan dengan meningkatkan Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) daripada RM200 ke RM250 sebulan
2. Memberi sumbangan kepada 40,000 orang nelayan sebagai penyumbang makanan negara.



6 MEMPERKENALKAN PROGRAM REZEKI TANI

1. Memperkenalkan program Rezeki Tani dengan memberi bantuan dalam bentuk peralatan dan latihan.
2. RM10,000 seorang sebagai usaha membina kemiskinan
3. Meningkatkan pendapatan golongan miskin dan miskin tegar
4. Seramai 471 peserta pada Disember tahun ini telah diluluskan untuk menerima bantuan.

7 MEMPERLUASKAN PASARAN DURIAN DAN NARIAS KE CHINA

1. Pengeksportan suling durian sejuk beku dalam bentuk biji ke China. Sejak penghantarannya pada Jun sehingga Ogos lalu sahaja, nilai eksport telah mencecah RM532,466.
2. Pesawat kargo yang pertama pada November lalu dijangkakan menyaksikan peningkatan jumlah eksport nenas ke sana.
3. Sebelum penghantaran nenas ke China menggunakan pesawat kargo, eksport ke China pada Januari hingga Ogos 2019 bernilai RM376,386.




8 MELANCARKAN KERJASAMA STRATEGIK SKIM MIKRO PINJAMAN AGRO NISAA-4 BERSAMA PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)

1. Melancarkan kerjasama strategik skim mikro pinjaman Agro Nisaa-4 bersama NEKMAT
2. Membantu isteri nelayan di seluruh negara untuk meningkatkan pendapatan keluarga! Kedah 40 penenlis sudah mendapat manfaatnya dengan nilai pembiayaan sebanyak RM62,500.




9 MENERUSKAN GERAN AGROPRENEUR MUDA

1. Membangun dan menggalakkan penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian melalui penerusan Geran Agropreneur Muda dengan memberi bantuan kepada setiap peserta dalam bentuk geran.
2. Bernilai RM10,000 sehingga RM20,000 dengan 863 agropreneur muda telah diluluskan permohonan pada 2019
3. Nilai geran sebanyak RM14.08 juta.



10 MEMPERKENALKAN BEBERAPA TEKNOLOGI/VARIETI BAKA BARU

1. Klon baharu belimbing 'Bintang Mas' mampu mengeluarkan hasil sebanyak 10 tan sehektar setahun. Petani berpotensi meningkatkan pendapatan mereka sebanyak 20%, iaitu hasil jualan sebanyak RM30,000 untuk setahun.
2. Baka kambing kacukan Boer-Kaljang 'BK' bertujuan untuk meningkatkan saiz kambing Kaljang. Pentamak dapat meningkatkan pendapatan sehingga RM187.40 bagi setiap ekor induk betina 'BK'.
3. Padi hibrid pertama negara 'Kadarta 1' mampu meningkatkan hasil penanaman padi sehingga 40%. Ia dijangka akan mengeluarkan hasil sebanyak 7 ke 8 tan sehektar setahun.



11 MENERUSKAN PENGANJURAN HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN KEBANGSAAN

1. Meneruskan penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan yang bertujuan untuk menghargai sumbangan golongan ini yang menjadi penyumbang utama makanan negara.
2. Mencapai sasaran lebih 500,000 orang pengunjung dengan jualan tunai dan memorandum persefahaman (MOU) berjumlah RM30 juta.

12 MELAKSANAKAN PROGRAM BAZAAR PEDULI RAKYAT

1. Melaksanakan program Bazaar Peduli Rakyat bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat
2. Menawarkan harga produk jualan 5% hingga 30% lebih rendah dari harga pasaran.


13 MEMPERKENALKAN EZI MYGAP

1. Memperkenalkan Ezi myGAP sebagai langkah mengurangkan kearah birokrasi tanpa berkompromi dengan kualiti dan keselamatan makanan
2. Proses permohonan sijil myGAP disingkatkan dari dua tahun kepada tiga bulan.



14 MELAKSANAKAN PROJEK RINTIS PENANAMAN PADI PULUT

1. Meneroka potensi penanaman padi yang lebih berkualiti dan bernilai tinggi melalui projek rintis penanaman padi pulut di Pulau Langkawi.
2. Melibatkan 1,200 orang petani dengan meningkatkan pendapatan sebanyak 24% berbanding pendapatan dalam penanaman padi putih.



15 MENGURANGKAN PENGLIBATAN ORANG TENGAH DALAM RANTIAN PEMASARAN

Mengurangkan penglibatan orang tengah dalam rantian pemasaran bagi menjamin harga berpatutan melalui:

1. Pemertasaan 129 pasar nelayan yang melibatkan seramai 558 usahawan nelayan
2. Pelancaran NekmatBiz.com.my sebagai platform penjualan ikan dan produk berasaskan ikan secara online
3. Pembangunan Agromall Fuchong sebagai satu kompleks pemasaran produk hasil pertanian



16 MEMPERKENALKAN PROGRAM JOM KONGSI REZEKI

1. Memperkenalkan program Jom Kongsi Rezeki yang bertujuan mengumpul sumbangan produk makanan yang diadakan di tapak Bazaar Peduli Rakyat dan Pasar Tani.
2. Sumbangan yang dikumpulkan akan diagih kepada golongan sasar yang terdiri daripada golongan B40.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	SINAR HARIAN	PRK PARLIMEN KIMANIS	10



Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub (dua dari kiri) menyampaikan replika cek bernilai RM500,000 untuk membiayai pulih kemudahan berkenaan. Menteri Kelantan, Datuk Seri Mohd. Yusoff (dua dari kanan) sempena lawatan kerjanya ke Kampung Blau, Bongawan Jumaat lalu.

Nelayan Kimanis lega, masalah lebih 15 tahun bakal selesai

KIMANIS - Lebih 500 nelayan di kawasan Parlimen Kimanis yang sebelum ini berdepan kesukaran mencari rezeki berikutan jeti pen- daratan ikan dan bangsal perikanan yang usang kini boleh menarik na- fas lega apabila masalah itu bakal diselesaikan tidak lama lagi.

Penantuan mereka selama lebih 15 tahun untuk memiliki prasarana yang lebih baik dan selamat itu bakal dilak- sana menerusi peruntukan RM500,000 daripada kerajaan Persekutuan bagi membiayai pulih kemudahan berkenaan.

Pengerusi Pembangunan Hal Ehwal Nelayan Bongawan, Abu Bakar Jamil berkata, peruntukan itu

akan disalurkan dalam tempoh ter- dekat bagi meningkatkan pra- sarana di kawasan berkenaan dan memberi harapan baharu kepada golongan itu dalam meningkatkan hasil pendapatan mereka.

"Kami juga berharap kerajaan prihatin untuk mendalamkan sungai bagi mempermudah bot nelayan keluar ke laut," katanya.

Abu Bakar ditemui selepas me- wakili golongan nelayan kawasan berkenaan menerima replika cek peruntukan itu di sini baru-baru ini.

Abu Bakar yang juga Ahli Lem- baga Pengarah Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Papar berkata,

pemberian peruntukan itu tepat pada masanya memandangkan ter- dapat kemudahan lain termasuk kekurangan tempat penyimpanan blok ais sedangkan golongan nela- yan di kawasan itu amat aktif.

Beliau berkata, hasil laut ter- tama ikan bilis yang diperoleh ada yang dijual sehingga ke Semen- jung Malaysia, malah turut memem- busi pasaran Brunei.

Sementara itu, Pengerusi PNK Papar, Kamis Jad berkata, pihaknya berterima kasih kepada kerajaan atas keprihatinan mereka terhadap kepentingan kebajikan sektor peri- kanan di daerah itu. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Kimanis fishermen thank gov't for RM500k fund to upgrade jetty



KIMANIS POLLS | The federal government has allocated RM500,000 to upgrade facilities at a fish landing pier in Bongawan, Sabah.

Bermama quoted Bongawan Fishermen Development Affairs chairperson Abu Bakar Jamil who thanked Agriculture and Agro-based Minister Salahuddin Ayub for the allocation said to benefit some 500 local fishermen.

"I represent the fishermen, especially in Bongawan, to thank the government for channelling this large allocation," Abu Bakar told *Bermama* today.

"We also hope the government is aware of a need to deepen the river and make it easier for fishing boats to go out to sea," he said.

Salahuddin had reportedly handed over a cheque replica for the allocation during a function in Bongawan on Friday - one day before nominations for the ongoing Kimanis parliamentary by-election.

Present was Bongawan assemblyperson Daud Yusof who is also the assistant to Sabah state agriculture and food industries minister.

Abu Bakar, who also sits on the board of Papar District Fishermen Association, said the allocation to repair the jetty and upgrade fish storing facilities will be channelled soon.

He also described the allocation as a new hope for local fishermen to boost their income, after a wait of over 15 years.



At the function, *Bermama* also reported that Salahuddin had announced a separate RM90,000 allocation for fishermen from Kampung Biau, Bongawan, to repair an old jetty in the village.

The villages fall under the Bongawan state seat, one of two constituencies under the Kimanis parliamentary seat, the other being Membakut.

Aside from the allocations to upgrade fishing facilities, Salahuddin also reportedly handed over a cheque replica for RM3 million to the Papar District Fishermen Association - an RM1 million Economic Project Grant and RM2 million Building Purchase Grant.

He said the allocations were a sign of the government's commitment to ensure continuity of development plans for fishermen in the area, as well as to help boost their income.



Meanwhile, former Federal Territories Umno Youth chief Razlan Rafii took a swipe at Salahuddin for allegedly repeating the same tactics used during the last Tanjung Piai by-election to announce aides for fishermen.

He claimed that fishermen in Tanjung Piai were promised RM1,000 in aide but the promise was subsequently forgotten after Pakatan Harapan's loss to BN.

It was reported at the time that special assistance of RM1,000 would be given to 1,513 fishermen in Johor South who had been affected by development in the area. Salahuddin had at the time

defended the move to distribute cash handouts during a by-election, describing it as a promise by the late Tanjung Piai MP Md Farid Md Rafik, that could be fulfilled at any time.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	MALAY MAIL	ONLINE	

Salahuddin: Joint operation against trespassers prevents RM6b loss in fish catch



KUALA LUMPUR, Jan 5 — The fate of local fishermen whose livelihoods have been depleted by foreigners fishing in Malaysian waters illegally and damaging its ecosystem, spurred Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub to launch 'Operasi Naga' last year, preventing a loss of about RM6 billion in fish catch.

The combined effect of 'Operasi Naga' (Operation Dragon), which took effect in April last year, and the amendments to the Fisheries Act 1985 passed in Parliament on July 9 and which provide for much stiffer fines, also resulted in RM560 million in savings, in reference to fish catch brought on shore and the auctioning of seized boats.

The operation was jointly undertaken by Salahuddin's ministry and three others, comprising the Home Affairs, Defence and Foreign Affairs ministries.

In an interview with Bernama recently, the minister said, as a result of these efforts, 211 vessels were detained while five others were sunk for the purpose of serving as fish breeding structures, and as a result of these efforts, this prevented a loss of some RM6 billion in fish catch.

He added that the sea ecosystem had also been saved from further damage by the activities of foreign fishermen who had been sailing in Malaysian waters with impunity, using illegal fishing equipment.

A big achievement for Salahuddin who has spearheaded the ministry following the 14th general election.

"All assets have been used to protect our waters from trespassers. This was a big issue when I joined the ministry in 2018, with fishermen complaining about all sorts of things including trespass by foreign fishing vessels," he said.

Of the 211 vessels detained, 148 were detected in peninsula Malaysia waters, 41 in Sarawak and 22 in Sabah.

The amendments to the Fisheries Act which have given much-needed teeth to enforcement activities, include an increase in the maximum fine to be imposed on the owners or captains of vessels found trespassing, from RM1 million to RM6 million, as well as a fine of RM600,000 compared to RM100,000 previously, on each crew member.

The Fisheries Act, said Salahuddin, also enables his ministry to issue licences to fish in high seas, particularly to undertake tuna fishing in the Indian Ocean, an industry which Malaysia is exploring further.

The Member of Parliament for Pulai said tuna fishing currently undertaken, yields a total catch of about 30,000 metric tonnes a year, with an estimated value of RM300 million.

So far, about 19 such licences have been issued to entrepreneurs who have fulfilled the relevant criteria such as the possession of modern vessels and equipment, while approximately 200 more will be issued over the next two to three years.

The licence-holders will be required to bring their catch on shore, in several places such as Langkawi, Penang and Tanjung Pelepas in Johor, he added.

On other matters, Salahuddin said his ministry was targeting to establish between 15 and 20 new fishermen's markets this year, in a bid to enable fishermen to sell their produce directly to consumers, thus obviating the need for middlemen.

There are currently 129 fishermen's markets across the country patronised by 558 entrepreneurs. — Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	BORNEO POST	ONLINE	

Joint operation against trespassers prevents RM6 bln loss in fish catch



KUALA LUMPUR: The fate of local fishermen whose livelihoods have been depleted by foreigners fishing in Malaysian waters illegally and damaging its ecosystem, spurred Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub to launch 'Operasi Naga' last year, preventing a loss of about RM6 billion in fish catch.

The combined effect of 'Operasi Naga' (Operation Dragon), which took effect in April last year, and the amendments to the Fisheries Act 1985 passed in Parliament on July 9 and which provide for much stiffer fines, also resulted in RM560 million in savings, in reference to fish catch brought on shore and the auctioning of seized boats.

The operation was jointly undertaken by Salahuddin's ministry and three others, comprising the Home Affairs, Defence and Foreign Affairs ministries.

In an interview with Bernama recently, the minister said, as a result of these efforts, 211 vessels were detained while five others were sunk for the purpose of serving as fish breeding structures, and as a result of these efforts, this prevented a loss of some RM6 billion in fish catch.

He added that the sea ecosystem had also been saved from further damage by the activities of foreign fishermen who had been sailing in Malaysian waters with impunity, using illegal fishing equipment.

A big achievement for Salahuddin who has spearheaded the ministry following the 14th general election.

"All assets have been used to protect our waters from trespassers. This was a big issue when I joined the ministry in 2018, with fishermen complaining about all sorts of things including trespass by foreign fishing vessels," he said.

Of the 211 vessels detained, 148 were detected in Peninsular Malaysia waters, 41 in Sarawak and 22 in Sabah.

The amendments to the Fisheries Act which have given much-needed teeth to enforcement activities, include an increase in the maximum fine to be imposed on the owners or captains of vessels found trespassing, from RM1 million to RM6 million, as well as a fine of RM600,000 compared to RM100,000 previously, on each crew member.

The Fisheries Act, said Salahuddin, also enables his ministry to issue licences to fish in high seas, particularly to undertake tuna fishing in the Indian Ocean, an industry which Malaysia is exploring further.

The Member of Parliament for Putai said tuna fishing currently undertaken, yields a total catch of about 30,000 metric tonnes a year, with an estimated value of RM300 million.

So far, about 19 such licences have been issued to entrepreneurs who have fulfilled the relevant criteria such as the possession of modern vessels and equipment, while approximately 200 more will be issued over the next two to three years.

The licence-holders will be required to bring their catch on shore, in several places such as Langkawi, Penang and Tanjung Pelepas in Johor, he added.

On other matters, Salahuddin said his ministry was targeting to establish between 15 and 20 new fishermen's markets this year, in a bid to enable fishermen to sell their produce directly to consumers, thus obviating the need for middle-men.

There are currently 129 fishermen's markets across the country patronised by 558 entrepreneurs. — Bernama

Kumbang merah palma ancaman pokok sawit

Perangkap feromon boleh kawal populasi serangga

Petani dinasihati bersih kawasan hapus tempat pembiakan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Perangkap feromon adalah antara kaedah yang boleh digunakan untuk mengawal populasi kumbang merah palma yang menyerang batang pokok kelapa sawit.

Pengarah Bahagian Biosekuriti Tumbuhan (BBT) Jabatan Pertanian, Ngizailah Zakaria, berkata kawalan secara kimia iaitu penggunaan racun serangga juga boleh digunakan bagi membinasakan semua peringkat kitaran kumbang itu.

"Kumbang merah palma itu boleh ditangkap menggunakan tong perangkap feromon. Ia bagi mengurangkan populasi kumbang dewasa dengan menggunakan uncang feromon dan digantung dalam tong untuk memerangkap serangga itu.

"Bagi pokok yang tinggi, kita cadangkan kaedah suntikan ba-

ber yang membawa masuk serangga ini.

"Usaha penghapusan dan kawalan dilaksanakan secara lebih menyeluruh untuk memastikan serangga ini tidak merebak dengan tiadanya perumah iaitu tanaman kelapa, palma hiasan, kurma, sagu dan lain-lain keluarga palma," katanya.

Beliau turut menasihati petani supaya menitikberatkan pemberantasan kawasan yang menjadi aspek penting iaitu menghapus tempat pembiakan kumbang tanduk dengan membuang pelepah pokok yang jatuh.

Katanya, terdapat dua spesies kumbang merah palma di Malaysia iaitu *Rhyrchophorus ferrugineus* (Rf) dan *Rhyrchophorus vulneratus* (Rv).

Rf dianggap spesies asing dan ia lebih agresif berbanding Rv yang dilabel spesies tempatan.

"Berdasarkan rekod tangkapan Rf, kita dapat menangkap 15,020 ekor pada 2016. Jumlah itu meningkat pada 2017 iaitu 26,857 ekor.

"Pada 2018, jumlah ditangkap menurun kepada 21,990, tetapi sehingga Oktober 2019, ia meningkat kepada 27,483 ekor.

"Bagi Rv, jumlahnya sedikit lai-



Perangkap feromon yang digunakan untuk memerangkap kumbang merah palma.



Kumbang merah palma itu boleh ditangkap menggunakan tong perangkap feromon. Ia bagi mengurangkan populasi kumbang dewasa dengan menggunakan uncang feromon dan digantung dalam tong untuk memerangkap serangga itu.

Ngizailah Zakaria,
Pengarah Bahagian
Biosekuriti Tumbuhan (BBT)
Jabatan Pertanian

"Kelapa sawit dan kelapa me-
rang banyak ditanam di Thai-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	9

Jumpa pukkat bersama ikan yang telah mati

Kegiatan tangkap ikan kelah secara haram di Tasik Kenyir terbongkar

Oleh NORHASPIDA YATIM

HULU TERENGGANU

Kegiatan penangkapan ikan kelah secara haram oleh sekumpulan lelaki di Tasik Kenyir di sini akhirnya terbongkar susulan penemuan dua rawan pukkat dan sebuah bot yang ditinggalkan untuk digunakan menangkap ikan.

Menurut jurucakap Koperasi Eko Pelancongan Tasik Puah, Hulu Terengganu, kegiatan itu dikesan sejak 27 Disember lalu berdasarkan aduan daripada orang awam.

"Kumpulan kami membuat rondaan pada 28 Disember lalu malangnya kumpulan lelaki berkenaan berjaya melarikan diri bersama hasil tangkapan.

"Operasi mengesan lokasi yang menjadi sasaran pencero-bohan diteruskan semalam (4 Disember) melibatkan beberapa kawasan seperti Spill Weir, Sungai Pelagong, Sungai Terengganu Mati, Sungai Sireh dan Sungai Limbang.

"Hasil pencarian oleh 19 anggota termasuk Jabatan Perhutanan Negeri membawa kepada penemuan dua rawan pukkat yang dipasang di Tasik Puah bersama ikan yang telah mati akibat terperangkap pada alatan itu.

"Selain itu, kita juga mene-



Pukkat yang ditahan bersama ikan yang telah mati ditemui dalam rondaan yang dijalankan semalam di Tasik Puah, Hulu Terengganu.

mukan sebuah bot yang disorok pada sebatang pokok di Sungai Pelagong sekali gus menguatkan lagi dakwaan wujudnya aktiviti penangkapan ikan kelah secara haram di kawasan itu," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Beliau berkata, timbul persoalan bagaimana kumpulan terbabit boleh melepasi kawasan larangan itu sedangkan permit diperlukan untuk memasuki kawasan tersebut.

"Kita curiga bagaimana kumpulan itu boleh mencero-boh kawasan larangan ini memandangkan sekarang musim spesies ikan kelah sedang bertelur dan membiak.

"Kawasan ini ditutup kepada kunjungan ramai bagi membolehkan spesies itu membiak dan melalui proses matang bermula Disember lalu hingga hujung

Februari depan," katanya.

Mengulas lanjut katanya, tular di media sosial video sekumpulan lelaki bersama ikan kelah yang ditangkap di dalam guni termasuk yang tersangkut pada pukkat.

Katanya, video itu dimuat naik seorang individu di laman sosial pada Disember lalu.


"Video itu menguatkan lagi dakwaan terdapat kumpulan yang mencero-boh kawasan ini untuk menangkap ikan kelah," katanya.

Beliau berkata, pihaknya telah membuat laporan di Jabatan Perhutanan Negeri dan Jabatan Perikanan Terengganu pada 2 Januari lalu berhubung kegiatan mencurigakan itu.

"Kita harap kegiatan seumpama itu dapat dihentikan. Lebih-lebih lagi ketika ini sedang berlaku musim pembiakan ikan kelah di Tasik Kenyir," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Kementerian Pertanian jamin udang temakan selamat dimakan



Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan kesemua udang temakan di negara ini selamat untuk dimakan.

"Susulan berita tentang penggunaan antibiotik ke atas udang temakan baru-baru ini, saya ingin memberi jaminan bahawa udang temakan tempatan (dari kolam temakan) adalah selamat untuk dimakan.

"Jabatan Perikanan (DOF) mempunyai sistem pemantauan yang ketat ke atas semua kolam temakan di seluruh negara.

"Pemeriksaan dan penguatkuasaan berkala dilakukan untuk memastikan kualiti eksport dan kualiti makanan kita adalah selamat," kata timbalan menteri, Sim Tze Tzin.

Sim membuat kenyataan itu melalui hantaran Facebook selepas meluangkan masa melawat kolam temakan udang di Kuala Langat, Selangor hari ini.

Kenyataan itu adalah maklum balas kementerian terhadap laporan *The Star* pada 4 Jan lalu mengenai penternak yang didakwa menggunakan antibiotik haram dalam kegiatan mereka.

Laporan tersebut menimbulkan taksiran yang negatif terhadap industri temakan udang di Malaysia.

Guna teknologi terkini

Mengulas lanjut, Sim yang juga anggota Parlimen Bayan Baru berkata pihaknya juga telah mengarahkan DOF untuk memeriksa semua syarikat yang disenarai pihak Pentadbiran Makanan dan Ubat-ubatan Amerika Syarikat (USFDA).

"Kami mahu perkara ini diselesaikan dengan segera.

"Berdasarkan semakan saya, sebahagian besar penternak tidak lagi menggunakan antibiotik dan menukarnya kepada probiotik dan amalan penternakan yang lebih baik," katanya.

Menurut Sim, kebanyakan penternak telah berhenti menggunakan rawatan antibiotik sejak 10 tahun lalu bagi memastikan udang temakan mereka dapat dieksport.



"Syarikat-syarikat yang disenaraikan pihak USFDA, kebanyakannya terlibat dalam aktiviti pemungghahan. Semakan DOF mendapati kebanyakan syarikat yang terlibat telah berhenti beroperasi," katanya.

Tambahnya, kolam temakan yang dilawatinya hari ini juga menggunakan enzim untuk merawat air bagi menghasilkan persekitaran kolam yang lebih baik.

"Kadar kematian udang juga adalah serendah lima ke 10 peratus saja. Malah, mereka tidak pun menggunakan rawatan probiotik.

"Saya berbangga industri udang kita mengguna pakai teknologi terkini dan kaedah temakan baru bagi memastikan tahap keselamatan dan eksport makanan kita.



"Udang-udang ini segar dan saya gembira dapat makan banyak udang hari ini," katanya.

Terdahulu, DOF dalam satu kenyataan turut mengesahkan kesemua udang temakan di negara ini selamat untuk dimakan.

Unit Komunikasi Korporat Ibu Pejabat DOF memberitahu, hasil ujian yang dijalankan ke atas sampel udang dan ikan mendapati tiada bahan antibiotik terlarang yang dikesan.

Menurutnya, sebanyak 2,446 sampel udang dan ikan diambil bagi tempoh 2008 sehingga kini bagi tujuan pemantauan antibiotik chloramphenicol (CAP), nitrofurantoin (NF) dan nitroimidazole (NI) di peringkat ladang.

"Malah, pihak Agensi Makanan Singapura (SFA) melalui kenyataan media telah memaklumkan udang yang diimport dari Malaysia tidak pernah dikesan mengandungi CAP dan NF," kata kenyataan itu.

Prawns in market safe for consumption, says govt

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The government has assured consumers that prawns in the market are safe for consumption.

Deputy Agriculture and Agro-based Industries Minister Sim Tze Tzin said the Fisheries Department stringently monitored all shrimp farms in the country.

"I wish to assure the public that locally produced shrimps are safe to eat. Regular checks and enforcement are done to ensure Malaysia's food safety and export quality," he wrote on his Facebook page.

Sim, who visited a shrimp farm in Kuala Langat yesterday, said he requested the Fisheries Department to do further checks on the companies reportedly placed under the watch of the United States Food and

Drug Administration (USFDA).

On Saturday, *The Star* reported that cultured shrimp in the country tainted with antibiotics might still be found in wet markets.

The report also stated that many Malaysian shrimp exporters were placed under USFDA watch between 2009 and 2018 following the detection of two antibiotics - nitrofurans and chloramphenicol - in 44 shrimp shipment samples.

Sim said most farmers stopped using antibiotics 10 years ago and had turned to using probiotics with better farming practices as they wanted to ensure their shrimp was safe to be exported.

He said that during his visit to the shrimp farm, the farmers there used enzyme to treat the water and create a better pond environment.

"The mortality rate is as low as 5-10%. They don't even use probiot-

ics. I am proud that our industry has adopted new technologies and new farming methods to ensure the safety and quality of the produce.

"I would also like to highlight that this USFDA list was published from 2009-2018. And the most recent case was published in August 2018. The majority of the cases were published many years ago.

"No new companies were listed in 2019," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	18

Nelayan setuju tidak ke laut setiap Ahad

IPOH - Seramai 1,060 nelayan pukat kenka dua bot bersetuju untuk tidak turun ke laut setiap Ahad sebagai langkah awal untuk memulihkan sumber perikanan di kawasan perairan Kuala Kurau dan Tanjung Piandang.

Usaha itu merupakan satu pelan Pengurusan Perikanan Secara Komuniti Setempat hasil pertemuan antara Persatuan Nelayan Kawasan Kuala Kurau dan Jabatan Perikanan Perak.

Pengarah Perikanan Perak, Zaki Mokri berkata, nelayan pukat kenka dua bot menyedari hasil tangkapan mereka tidak memberangsangkan berbanding lima tahun lalu.

"Mereka juga perlu berada di laut lebih lama tetapi hasil tangkapan tidak seberapa sangat. Ikan di laut telah berkurangan, saiznya juga semakin kecil.

"Dengan keluasan operasi hampir 50 batu nautika persegi (162 kilometer persegi) bagi menampung 526 vesel pukat kenka dua bot serta sumber perikanan semakin merosot, satu tindakan segera perlu diambil bagi memulih sumber perikanan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, pihaknya akan mengkaji impak inisiatif yang diambil nelayan itu terhadap sumber pada Jun nanti.



Nelayan pukat kenka dua bot Kuala Kurau dan Tanjung Piandang bersetuju untuk tidak turun ke laut pada setiap Ahad.
Gambar kecil: Zaki Mokri

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Kira-kira 1,000 nelayan sanggup tidak ke laut demi pulih sumber perikanan



(CBFM).

"Persatuan nelayan bersetuju untuk mengurangkan tekanan terhadap sumber perikanan dengan mengadakan hari tidak ke laut pada setiap hari Ahad sebagai langkah awal untuk memulihkan sumber perikanan di perairan mereka.

"Pada peringkat awal, mulai 1 Januari 2020, kita cuba untuk tidak ke laut sehari setiap minggu dan selepas enam bulan kita akan kaji impaknya terhadap sumber serta menambah baik usaha untuk memastikan sumber perikanan pulih ke tahap asalnya," katanya dalam kenyataan di sini, pada Ahad.

Beliau berkata, kaedah musim tertutup itu juga akan diguna pakai bagi peralatan yang lain seperti pukat tunda, jerut bilis atau mana-mana sumber perikanan yang kian merosot.

Dari 2015, hasil tangkapan oleh pukat kenka dua bot mulai merosot setiap tahun malah kawasan tangkapan juga terhad iaitu 5.0 batu nautika (bn) dari pantai hingga 12.0 bn bermula di Bagan Tlang di utara dan berakhir di Kuala Gula di bahagian selatan.

Zaki berkata dengan keluasan operasi hampir 50 bn persegi (162 km persegi) bagi menampung 526 vesel pukat kenka dua bot, serta sumber perikanan semakin merosot, satu tindakan segera perlu diambil bagi memulih sumber perikanan.

"Nelayan sedar hasil tangkapan mereka tidak sebanyak lima tahun yang lepas, mereka juga perlu berada di laut lebih lama tetapi hasil tangkapan tidak seberapa berikutan ikan di laut telah berkurangan dan saiznya juga semakin kecil.

"Tindakan yang diambil perlu pengorbanan daripada nelayan, nelayan juga perlu terlibat secara langsung dalam pengurusan sumber perikanan, bukan hanya di bahu Jabatan Perikanan," katanya.

Beliau berkata musim tertutup juga satu kaedah untuk memulihkan semula sumber perikanan bagi mengurangkan tekanan terhadap sumber perikanan, di samping mengawal bilangan vesel dan bilangan nelayan.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	HARIAN METRO	BISNES	20

Komited lahir peladang jutawan MD2

Kuala Lumpur: Kulim (Malaysia) Berhad yang juga anak syarikat kepada Kumpulan Johor Corporation (JCorp) komited untuk melahirkan peladang jutawan menerusi penanaman nanas dari jenis MD2.

Pengarah Eksekutifnya, Zulkifly Zakariah berkata, syarikat berkenaan menerusi Kulim Pineapple Farm (KPF) bertanggungjawab menyelia 12 Usahawan Tani daripada kumpulan beliau berpendapatan rendah (B40) mengusahakan tanaman na-

nas MD2.

Beliau berkata, seliaan itu dilaksanakan untuk Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) di Tanah Abang, Mersing yang berkeluasan 48.56 hektar dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Agrobank.

"Tidak mustahil sekiranya penanaman nanas MD2

mampu melahirkan peladang jutawan

wan dengan bimbingan serta tunjuk ajar daripada agensi berwajib.

"Kulim sebagai syarikat berpengalaman luas dalam penanaman nanas MD2 secara komersial berskala besar sejak 2008 memainkan peranan dalam membentuk, mengawal selia dan menjadi mentor untuk peserta program itu.

"Kami memberi bimbingan menerusi kaedah penanaman, penjagaan dan pengurusan ladang nanas secara komersial dan efektif melalui Amalan Pertanian Baik (GAP)," katanya.

Mengulas lanjut mengenai, Zulkifly berkata, hasil tuaian yang dijangkakan bagi setiap peserta adalah sebanyak 48 tan setiap hektar dengan kepadatan tanaman 49,000 pokok setiap hektar.

Menurutnya, melalui perkongsian ilmu serta pengalaman yang diberikan oleh Kulim, pihaknya berharap usahawan tani muda itu mampu untuk berdikari.

"Kami juga berharap kumpulan usahawan berkenaan dapat terus maju serta akan menjadi perintis dan penanda aras untuk lebih ramai anak muda menyertai program ini pada masa akan datang," katanya.

Katanya, prospek bagi tanaman nanas adalah meluas dan menguntungkan kerana ia mampu untuk memberi pulangan pada masa yang cepat sekitar 18 bulan saja.

"Malah, potensinya bukan saja dalam negara tetapi ia turut mendapat permintaan luar biasa dari banyak negara di peringkat antarabangsa," katanya.



Kami memberi bimbingan menerusi kaedah penanaman, penjagaan dan pengurusan ladang nanas secara komersial dan efektif"

Zulkifly Zakariah



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/1/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	14

Jual hasil laut dalam talian dapat sambutan

Kuala Lumpur: Nekmatbiz.com.my laman sesawang menjual hasil laut yang baru dibangunkan untuk memperluas kan lagi penjualan hasil laut nelayan secara terus kepada pengguna, menerima sambutan yang menggalakkan.

Walaupun mula beroperasi sejak Julai tahun lalu, Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat), Azrin Shah Ismail, berkata nilai jualan pada Disember mencatat kira-kira RM18,000 yang membabitkan hasil laut sebanyak 900 kilogram (kg).

Beliau yang ditemui di Pusat Pengumpulan dan Pengeksporan Nekmat di sini, berkata perniagaan di nekmatbiz.com.my yang dibangunkan oleh persatuan itu dengan bantuan Lembaga Kema-

juan Ikan Malaysia (IKIM), mendapat sambutan yang menggalakkan terutama daripada pelanggan di Lembah Klang.

"Pelanggan bandar yang mempunyai kekangan masa untuk ke pasar memilih perkhidmatan dalam talian Nekmatbiz, yang memberi pilihan hasil laut yang pelbagai dengan produk segar dan berkualiti, serta dihantar pada hari yang sama hasil laut ditangkap," katanya.

Beliau berkata, kemampuan pihaknya menawarkan hasil laut yang segar kerana mempunyai rangkaian nelayan di seluruh negara.

Azrin berkata, permintaan terhadap hasil laut dalam talian itu mula menunjukkan peningkatan sejak November lalu dengan mencatat jualan sebanyak



Azrin Shah Ismail

RM10,000 membabitkan hasil laut berjumlah 500kg.

Beliau berkata penjualan ikan secara terus dari nelayan ke pengguna membantu meningkatkan pendapatan nelayan sebanyak 15 hingga 20 peratus, berbanding menjual hasil tangkapan kepada peraih.

Menurut beliau, keuntungan yang diraih persatuan itu melalui Nekmatbiz akan turut diagihkan secara dividen kepada ahli-ahli persatuan, iaitu nelayan.

Sementara itu, Pengurus Persatuan Nelayan Negeri Selangor, Ahmad Mirwan Afandi berkata, mereka amat berpuas hati dengan jualan ikan secara dalam talian itu kerana jualan hasil tangkapan mereka dapat diperluaskan, berbanding sebelum ini yang hanya bergantung kepada peraih-dan pasar nelayan.

Beliau berkata, keuntungan yang diterima melalui Nekmatbiz juga turut digunakan oleh persatuan bagi memberi latihan kepada ahli mengenai bidang perikanan serta digunakan untuk memberi bantuan kepada ahli.

BERNAMA